



SIARAN AKHBAR 02/2025

**OPERASI *BLACK BULL* PATAHKAN PENYELUDUPAN 3.48 KILOGRAM SYABU YANG
DIANGGARKAN BERNILAI LEBIH DARIPADA BND450,000**

Bandar Seri Begawan, 04 Februari 2025

Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah merampas **3.48 kilogram** Syabu melalui Operasi *Black Bull* yang dijalankan pada Januari dan Februari 2025. Operasi ini telah menahan 12 individu yang dipercayai terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah bagi pasaran Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong dan Daerah Belait. Dengan berat dadah yang dirampas, kes ini boleh membawa hukuman gantung sampai mati.

Pada pertengahan Januari 2025, empat (04) orang telah ditahan di Pos Kawalan Sungai Tujoh kerana didapati membawa masuk dadah Syabu seberat **391.23 gram**. Suspek utama kumpulan ini pernah ditangkap melalui Operasi *Bulls Eye* pada 2021 dan kini meningkat naik setelah kejatuhan satu (01) sindiket yang ditumpaskan melalui Operasi Tupai.







Pada hujung Januari 2025, Operasi *Black Bull* diteruskan lagi dengan menahan dua (02) individu di Kampong Sungai Kebun dan Kampong Mengkubau. Operasi susulan ini telah merampas tiga (03) bungkusan yang secara keseluruhan mengandungi **3,087.68 gram Syabu** dipercayai milik sekumpulan pengedar dadah.






Operasi susulan pada awal Februari 2025 telah menahan enam (06) lagi individu berkaitan dengan rangkaian ini yang menjalankan pengedaran dadah di Kampong Pekan Lama, Daerah Brunei dan Muara. Jumlah dadah yang dirampas adalah tidak signifikan kerana mereka yang ditahan dinilai dalam keadaan bersiap sedia untuk ditangkap dengan tidak menyimpan dadah bersama mereka.



Secara keseluruhan, Operasi *Black Bull* telah merampas **3.48 kilogram** Syabu yang dianggarkan bernilai lebih daripada BND450,000 di pasaran tempatan dan boleh menampung sekurang-kurangnya 34,000 pengguna dadah. Turut dirampas dalam tiga (03) operasi ini ialah wang tunai dipercayai hasil dari kegiatan pengedaran dadah, kenderaan dan alat-alat yang berkaitan dalam kegiatan penyalahgunaan dan pengedaran dadah.





Modus Operandi rangkaian kumpulan pengedaran ini adalah dengan menggunakan kenderaan motorsikal yang berdaftar di negara asing untuk menyeludup dadah masuk ke negara ini bagi mengelirukan pemantauan pihak berkuasa seterusnya memudahkan kaedah penghantaran dadah ke beberapa tempat di negara ini.

Biro Kawalan Narkotik

Jabatan Perdana Menteri

Bandar Seri Begawan

Brunei Darussalam

05 Syaaban 1446H / 04 Februari 2025M